

## Hadrah's Performances in Sarawak: An Ethnography Communication Approach

### Persembahan Hadrah di Sarawak: Pendekatan Etnografi Komunikasi

Muhammad Zaid Daud\*, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding author: 17020194@siswa.unimas.my

**Article history:** Received 9 August 2018 Received in revised form: 26 November 2018 Accepted: 11 April 2019 Published online: 30 April 2019

#### Abstract

The state of Sarawak is no exception to the Hadrah's performance which has indeed been received in North Peninsular Malaysia such as in Perlis, Kedah, Perak and Penang. Hadrah performance is a form of public entertainment that is still widely welcomed. The performances are still being presented at weddings as well as in other occasions. Therefore, this study aims to analyse the implicit meaning behind the performance of Hadrah through the ethnography communication approach of S.P.E.A.K.I.N.G (for setting and scene, participants, ends, acts sequence, key, instrumentalities, norms, & genre) by Hymes (1972) as well as to exhibit other cultural elements that permeate in the performances of the state in Sarawak such as involve elements of metapragmatic, language and community as well as metaphors and languages that should not run in a performance. The data collection was carried out through two methods: library research and field research. The study found out that the performance of the Hadrah is not only a feature to entertain guests but rather implicitly because the selection of songs in the performance complements the aspects of advice and irony that should guide listeners especially newly married couples.

**Keywords:** Hadrah, Sarawak, ethnography communication, culture

#### Abstrak

Negeri Sarawak tidak terkecuali daripada persembahan Hadrah yang sememangnya telah mendapat sambutan di Utara Semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang. Persembahan Hadrah ini merupakan satu bentuk hiburan masyarakat awam yang masih mendapat sambutan ramai. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis makna tersirat di dalam persembahan Hadrah melalui pendekatan etnografi komunikasi (ethnography of speaking) oleh Hymes (1972) di samping memperlihatkan unsur-unsur budaya lain yang meresapi dalam persembahan Hadrah di negeri Sarawak seperti melibatkan unsur interpretif, metapragmatik, bahasa dan komuniti serta metafora dan bahasa yang semestinya tidak dapat lari dalam suatu persembahan hadrah. Pengumpulan data kajian ini dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu penyelidikan perpustakaan dan penelitian lapangan. Kajian ini mendapati bahawa persembahan Hadrah bukan sahaja bersifat untuk menghiburkan tetamu yang hadir, namun bersifat implisit kerana pemilihan lagu-lagu yang dinyanyikan dalam persembahan tersebut melengkapi aspek nasihat dan ironi/sindiran yang seharusnya menjadi panduan kepada pendengar terutamanya pasangan yang baru berkahwin.

**Kata kunci:** Hadrah, Sarawak, etnografi komunikasi, budaya

© 2019 Penerbit UTM Press. All rights reserved

#### ■1.0 PENGENALAN

Persembahan Hadrah merupakan sebuah kesenian yang begitu sinonim dengan masyarakat Melayu di Malaysia. Menurut Abdul Razak Kassim (2006), asal-usul Hadrah muncul dari Timur Tengah yang menjadi medium penyebaran agama Islam. Pengaruh Hadrah ke Sarawak telah mula dibawa masuk dari Sambas, Kalimantan pada tahun 1900. Persembahan Hadrah kebiasaannya dipersembahkan ketika mengiringi pengantin ke tempat persandingan. Hadrah juga turut dipersembahkan pada Majlis khatham Al-Quran, Majlis berkhatan dan menyambut kedatangan orang kenamaan ke sesuatu majlis (komunikasi peribadi, Awang Baharudin & Ali Mohamad, Disember 2015). Persembahan Hadrah secara umumnya dilakukan setelah pasangan pengantin sudah berada di atas pelamin (komunikasi peribadi, Jasni Hipni, Disember 2015). Kumpulan Hadrah akan duduk berkumpul secara bulatan di hadapan pelamin untuk melakukan persembahan. Pemain-pemain Hadrah akan melakukan paluan tar setelah mendapat isyarat oleh ketua kumpulan atau imam. Tar menjadi alat muzik penting dalam persembahan Hadrah selain alat muzik lain yang memainkan ritma dan iramanya secara bertingkah. Selain tar, alat muzik lain yang digunakan dalam persembahan ialah tamborin, drum atau tambo yang bersaiz kecil. Antara sarjana lepas yang mengkaji mengenai persembahan Hadrah adalah seperti Muhammad Zaid Daud (2016), Muhammad Syahrul Nizam Mazlan (2016), Nayik Fajrikah (2015), Andihika Ambrian Saoutra (2012), Fahrurisa (2011) serta Ahmad Hakimi Khairuddin dan Zahir Ahmad (2006).

Menurut Khairul Anwar (komunikasi peribadi, Disember 2015), konsep Hadrah di Sarawak dapat dikaji menerusi alunan melodi dan irama lagu Hadrah yang dimainkan. Pembawaan muzik berunsur Islam menjadi kelaziman dalam Hadrah. Hal ini menunjukkan ketinggian nilai budaya Islam terhadap masyarakat setempat. Lagu yang menjadi kewajipan dalam persembahan Hadrah ialah *Bismillah* dan *Solatulminan* yang diambil daripada Kitab Dewan Hadrah. Lagu Hadrah akan disampaikan oleh seorang penyanyi utama atau ketua kumpulan pada permulaan persembahan. Seterusnya, sambungan lagu itu akan disahuti oleh sekelompok ahli kumpulan itu. Kebiasaannya pemain-pemain Hadrah akan menggunakan gaya pengulangan dalam nyanyian (Abdul Razak Kassim, 2006). Garapan alunan muzik yang dialunkan memainkan peranan penting dan berpengaruh sebagai medium untuk berdakwah (komunikasi peribadi, Jasni Hipni, Disember 2015). Kini, lagu-lagu yang disampaikan adalah dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab juga disertai dengan puji-pujian kepada Allah S.W.T dan Nabi Muhammad S.A.W. Lantaran itu, rentak dan irama dijadikan sebagai antara aspek penting dalam persembahan Hadrah.

Menurut Muhammad Zaid Daud (2016) pula, sebuah kumpulan Hadrah ini akan mempunyai beberapa kumpulan kecil di dalamnya. Kumpulan-kumpulan kecil tersebut diberi nama seperti *tingkat*, *pecah*, *anak* atau *anak sungai* dan sebagainya. Setiap kumpulan akan mengikut turutan masing-masing seperti *tingkat satu*, *tingkat dua*, *tingkat tiga* dan *tingkat empat* dan begitu juga dengan kumpulan *pecah* dan juga kumpulan *anak*. *Anak sungai* merupakan variasi untuk kumpulan Hadrah lain yang tidak menggunakan istilah anak satu, anak dua dan sebagainya. Dalam memulakan Hadrah, terdapat beberapa jenis pukulan, dan pukulan yang paling asas adalah pukulan *nadi*. Pukulan *nadi* ini merupakan satu pukulan untuk memulakan tradisi Hadrah di sesebuah tempat, sebagai contohnya, ketika kumpulan ini memulakan pukulan *kompang/tar* di rumah pengantin lelaki, mereka akan memulakannya dengan pukulan *nadi* yang lembut dan perlahan. Setelah memulakan, mereka akan bertukar ke sebuah pukulan bernama *ngakal*. Bunyi pukulan *ngakal* ataupun rentaknya, bergantung kepada guru pembimbing kumpulan tersebut kerana setiap kumpulan akan mempunyai rentak yang berlainan dan unik. Upacara Hadrah ini, semestinya perlu bermula dengan lagu ‘*Bismillah*’ di mana mereka akan meminta berkat Allah dalam melaksanakan sesuatu majlis dengan lancar tanpa sebarang masalah.

Walau bagaimanapun, sesebuah persembahan akan sentiasa berubah apabila faktor persekitaran mengalami perubahan. Perkara ini menjadi faktor kepada perubahan budaya persembahan dalam kelompok masyarakat (Schechner, 2015). Kesenian Hadrah telah mengalami perubahan contohnya dari segi pemilihan lagu. Lagu-lagu Melayu cuba diterapkan walaupun dasar garapan muzikal kesenian ini tetap berdasarkan kepada elemen muzik Islam (komunikasi peribadi, Khairul Anwar, Disember 2015). Perubahan yang dilakukan ini cuba dengan disesuaikan dengan faktor persekitaran sesuatu kelompok masyarakat di sesuatu lokasi. Oleh itu, akibat perubahan masa yang semakin rencam persembahan Hadrah semakin hari semakin dilupakan peranannya. Hal ini demikian kerana semasa di majlis-majlis perkahwinan mahupun majlis-majlis keramaian kini telah digantikan dengan persembahan yang lebih bersifat moden seperti berkaraoke sambil menyanyikan lagu-lagu yang terkini mahupun lagu-lagu romantis daripada negara-negara barat. Oleh itu, hal ini jelas sekali bercanggahan dengan norma-norma realiti masyarakat Melayu khususnya dan mengakibatkan tersisihnya lagu-lagu yang bersifat tradisional.

## ■2.0 METODOLOGI KAJIAN

Dengan itu, pendekatan kualitatif telah dijalankan bagi kajian ini yang berlandaskan pendekatan etnografi komunikasi iaitu *SPEAKING* oleh Hymes (1972). Dalam masa yang sama pengkaji juga menggunakan pendekatan *Observatory Participants* semasa pengkaji berada di kawasan lapangan kajian selama tujuh kali persembahan hadrah dijalankan bermula 22 Oktober 2016 sehingga 25 Disember 2016 tetapi, hanya persembahan hadrah yang dijalankan semasa majlis perkahwinan sahaja dijadikan bahan kajian ini. Oleh itu, pemerhatian berkenaan perjalanan proses persembahan kumpulan Hadrah daripada awal permulaan persembahan di majlis perkahwinan sehingga 25 Disember 2016 selesai persembahan kumpulan Hadrah tersebut. Berikut merupakan pemerhatian kami semasa membuat kajian di lapangan.

### Pendekatan Etnografi S.P.E.A.K.I.N.G Terhadap Persembahan Hadrah

Menurut Marcellino & Johnstone (2010) etnografi komunikasi bukanlah satu cara semata-mata malah ianya juga adalah satu pendekatan secara teori kepada bahasa. Hymes (1972) memberikan dasar bersifat teori untuk bahasa dalam cara pengucapan yang mengambil kira kepelbagaiannya dan keberkesanannya komunikasi sebenar dari segi idea bagaimana ujaran disampaikan dan ekonomi ujaran.

*“The ethnography of communication is thus not just a method but a coherent theoretical approach to language. Hymes provides a theoretical basis for language in ways of speaking, which accounts for the diversity and efficacy of actual human communication in terms of the ideas of means of speech and speech economy”*. (Marcellino & Johnstone, 2010)

Hymes (1972) memperkenalkan suatu kerangka dimensi peristiwa komunikasi yang disebut *SPEAKING framework*.

- (1) **S** (*setting* dan *scene*) melihat latar di mana dan bila terjadinya peristiwa berbahasa;
- (2) **P** (*participants*) siapa yang terlibat;
- (3) **E** (*ends*) hasrat yang ingin dicapai oleh peserta;
- (4) **A** (*acts sequence*) apa yang dikatakan dan dilakukan;
- (5) **K** (*keys*) bagaimana nada emosi seperti serius, lembut dan sedih;
- (6) **I** (*instrumentalities*) kaedah penyampaian seperti verbal atau bertulis dan kode (*codes*) yang digunakan seperti variasi dan cara pemakaian bahasa serta gaya pertuturan;
- (7) **N** (*norms*) norma-norma interaksi dan interpretasi (misalnya mengapa seseorang harus berpergi laku seperti ini atau itu);
- (8) **G** (*genres*) jenis peristiwa berbahasa.

Secara ringkasnya, mnemonik S.P.E.A.K.I.N.G ini adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira untuk melihat kebolehan dan bagaimana seorang penutur menggunakan bahasanya.

### ■3.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Komponen untuk dianalisis adalah menggunakan mnemonik S.P.E.A.K.I.N.G. Oleh itu, menganalisis data yang diperoleh daripada kajian lapangan menggunakan mnemonik tersebut.

#### S – Setting & Scene

Kajian ini dijalankan di Kampung Semerah Padi, Kuching bermula pada 22 Oktober 2016 sehingga 25 Disember 2016 untuk melihat sendiri satu persembahan kumpulan Hadrah di kampung tersebut terutamanya di dalam lirik lagu yang dinyanyikan oleh mereka. Dengan itu, berikut merupakan *setting & scene* bagi kajian ini.

**Masa :** Semasa mengiringi pengantin sehingga ke tempat persandingan/pelamin dan sepanjang persandingan berlangsung.

**Tempat :** Majlis persandingan orang Melayu di Kampung Semerah Padi, Kuching.

**Aturan :** Majlis tidak formal. Bertujuan untuk memeriahkan dan menghiburkan penonton/ tetamu di majlis perkahwinan tersebut.

#### P – Participants/Peserta

Peserta yang mengambil bahagian dalam acara ucapan ini adalah *speaker* dan *audience*. *Speaker* yang merujuk kepada penyanyi-penyanyi di dalam persembahan Hadrah tersebut. Mereka menyampaikan dan menyanyikan lagu-lagu berunsur nasihat, ironi dan bersifat jenaka manakala bagi penonton (*audience*) pula adalah masyarakat awam yang hadir pada majlis perkahwinan tersebut dan pasangan pengantin baharu. Oleh itu, mesej di dalam lagu-lagu yang disampaikan oleh *speaker* kepada *audience*. Terdapat juga lagu yang dinyanyikan dalam dialek Melayu Sarawak. Hal ini disebabkan oleh, penggunaan dialek dalam nyanyian contohnya, dapat menggambarkan sesebuah masyarakat mahupun budaya itu (Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Muhammad Zaid Daud, 2018).

#### E – Ends

Terdapat tujuan *speech event* di dalam lirik lagu persembahan Hadrah ini seperti berikut,

#### Unsur nasihat dalam Lirik Lagu Hadrah

Di dalam nyanyian yang disampaikan oleh kumpulan Hadrah melalui lagu-lagu tersebut terdapat unsur-unsur nasihat yang disampaikan oleh mereka terutamanya kepada pasangan yang baharu berkahwin. Contohnya pengkaji mengambil serangkap lirik lagu yang berjudul Selamat Bersanding yang terdapat unsur nasihat kepada pasangan pengantin tersebut seperti berikut,

*Wahai pengantin suami isteri,  
Aman dan damai setiap hari,  
Sama bersabar saling menghormati,  
Berkasih sayang kekal abadi.*

Serangkap lirik lagu tersebut telah menyeru kepada pasangan pengantin tersebut untuk hidup secara aman dan damai sepanjang hari/masa (seperti mana yang terdapat pada baris 1 dan 2 lirik lagu tersebut) melalui sikap yang bersabar dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Dengan itu, pada akhir rangkap tersebut telah menyatakan bahawa dengan hidup aman dan damai sepanjang masa serta saling hormat-menghormati antara satu sama lain dapat membuaikan ikatan kasih sayang di dalam sesuatu perhubungan sehingga kekal abadi namun, hanya kematian sahaja sebagai pemisah.

*Rupa yang cantik jangan diburu,  
Buruk dan miskin sudah jodohmu.*

Melalui serangkap lirik lagu tersebut juga telah memberi nasihat kepada masyarakat awam khususnya yang sering melihat kepada kecantikan rupa dan paras seseorang dan kekayaan seseorang itu untuk dijadikan sebagai pasangan suami atau isteri mereka. Dengan itu, berdasarkan ujaran nyanyian tersebut pengkaji menyifatkan sebagai nasihat kepada masyarakat umum supaya menerima seadanya pasangan mereka kerana itu adalah jodoh yang telah diberikan oleh Allah SWT. atau Tuhan.

#### A – Act Sequence

Di dalam masa yang sama pengkaji melihat mesej yang tersirat di dalam persembahan lagu-lagu tersebut dari segi,

**Amalan :** Masyarakat Melayu sering dikaitkan dengan masyarakat yang bersopan santun dan tidak menyatakan sesuatu perkara secara terus terang kerana cuba untuk menjaga hati pendengar khususnya (Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud, 2018). Dengan itu, nyanyian persembahan Hadrah ini dapat menyampaikan mesej secara berlapis kepada pendengar untuk saling hormat-menghormati antara satu sama lain dan dalam masa yang sama juga dapat memberikan nasihat kepada pendengar terutamanya mereka yang baru berkahwin dan bakal/masih mencari pasangan hidup mereka.

**Kandungan :** Lirik lagu yang dinyanyikan itu bersifat literal dalam masa menghiburkan pendengar dan dalam masa yang sama turut memberi nasihat/sindiran kepada mereka.

**Bentuk Mesej :** Menasihati/memerli pendengar berdasarkan lagu-lagu tersebut terutamanya kepada pasangan yang baharu/sudah berkahwin dan belum berkahwin.

## K – Key

Semasa menyanyikan lirik-lirik lagu tersebut terdapat emosi dan perasaan yang diaplikasikan di dalam amalan komunikasi tersebut sebagai contoh cara prestasi lagu-lagu tersebut seperti menyampaikan mesej yang serius atau meraikan. Pengkaji menyentuh salah satu aspek iaitu pemberian status seperti mana yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut.

*Cantik sungguh muda jauhari,  
Kedua pengantin suami dan isteri,  
Duduk seperti raja dan puteri,  
Sanak saudara kanan dan kiri.*

Pemberian status kepada pasangan baharu berkahwin juga terdapat pada lirik lagu tersebut kerana penyanyi membandingkan pengantin baharu tersebut dengan raja dan puteri. Hal ini demikian kerana perkahwinan merupakan hari terpenting dan diraikan bagi sesiapa sahaja yang baru melangkah ke alam perkahwinan. Dalam masa yang sama, sememangnya pengantin baharu tersebut sentiasa kelihatan cantik/bergaya terutama sekali ketika duduk bersanding di khalayak orang ramai yang duduk sebelah menyebelah dan bagi konteks lirik lagu ini pula sanak saudara mereka duduk di kanan dan kiri bagi memeriahkan dan meraikan pengantin yang duduk di atas pelamin.

## I – Instrumentalities

Cara atau saluran yang digunakan di dalam persesembahan Hadrah adalah nyanyian dengan menggunakan instrument alat muzik seperti *kompang* dan *tar* bertujuan untuk memberikan isyarat-isyarat oleh guru pembimbing atau ketua kumpulan Hadrah untuk memberi arahan kepada ahli-ahli kumpulan semasa persesembahan. Di dalam konteks ini melibatkan mode lisan (nyanyian)+isyarat/pergerakan badan. Sebagai contoh situasi tersebut yang pengkaji dapat kesan semasa nyanyian dan persesembahan lagu-lagu Hadrah.



**Rajah 1** – Ketua kumpulan mengangkat kompong sebagai isyarat berhenti  
(Sumber: Kajian lapangan, 2016)

Isyarat secara visual merupakan arahan yang paling kerap digunakan oleh ketua kumpulan. Isyarat jenis ini digunakan untuk menandakan penamat lagu dan memperlakukan paluan kompong (Muhammad Zaid Daud, 2016). Oleh itu, apabila ketua kumpulan Hadrah mengangkat kompong selama beberapa saat dan menggerakkan kompong tersebut sekali untuk menandakan penamat lagu yang sedang dipersembahkan seperti yang terdapat pada rajah 1 tersebut.. Di samping itu, di dalam konteks ini hanya melibatkan *speaker* dengan ahli-ahlinya sahaja dalam memberikan irama yang harmoni di dalam persembahan mereka.

## N – Norm of interaction

Norma di dalam interaksi tersebut adalah norma yang aktif apabila komunikasi yang diamalkan oleh sesebuah komuniti. Dengan itu, kaedah-kaedah bagi menghasilkan & mentafsir tindakan ucapan dua rasa norma dan menjawab kepada persoalan ini iaitu apakah yang dilakukan sebagai satu perkara kebiasaan? Hal ini pengkaji mengaitkan dengan budaya dan tingkah laku sosial. Contohnya budaya masyarakat yang melakukan persembahan Hadrah adalah untuk bersikap sopan, menyanyi lagu-lagu bagi menyerikan majlis dan sebagainya. Manakala tingkah laku pula seperti masyarakat yang mempersesembahkan Hadrah ini akan berkelakuan baik, menghormati setiap orang yang hadir di majlis perkahwinan tersebut dan akan menjaga jenis lagu yang dinyanyikan oleh mereka supaya tidak melukakan hati pendengar. Persoalan kedua adalah apakah perkara yang sesuai dan perlu dilakukan? Dengan itu, pengkaji akan mengaitkan dengan corak interaksi sosial seperti pemikiran dan cara hidup masyarakat. Corak interaksi sosial pemikiran dan cara hidup masyarakat seperti berikut, interaksi sosial pemikiran masyarakat berbeza mengikut konteks, pengetahuan, pengalaman hidup dan

sebagainya serta berbeza mengikut orang. Contohnya, orang yang tidak mempunyai pengetahuan tentang Hadrah ini akan beranggapan bahawa Hadrah ini adalah sejenis persembahan yang biasa dan tidak akan mengetahui sebab-sebab Hadrah itu dilaksanakan serta makna-makna di sebalik Hadrah. Berikutnya adalah cara hidup masyarakat. Masyarakat yang mewarisi Hadrah ialah masyarakat yang berbangsa Melayu dan diwarisi daripada keturunan –keturunan sebelumnya. Contohnya, kumpulan Hadrah ini akan mengikut cara hidup masyarakat Melayu yang biasa kerana mereka merupakan orang Melayu dan mampu mewarisi persembahan Hadrah ini kepada generasi yang akan datang.

## G – Genres

Bagi mnemonik **S.P.E.A.K.I.N.G.** yang terakhir adalah *genres*. Oleh itu, pengkaji mengenal pasti jenis genre formal yang terdapat di dalam persembahan tersebut seperti naratif. Hal ini demikian kerana melalui lirik lagu Selamat Bersanding tersebut dapat menceritakan pengalaman dan kejadian sebagai seorang suami isteri untuk saling bermaaf-maafan dan bekerja sama antara satu sama lain.

### ■4.0 UNSUR BUDAYA YANG MERESAPI DALAM PERSEMBAHAN HADRAH

Berdasarkan penelitian tata cara persembahan Hadrah di negeri Sarawak ini pengkaji dapat mengaitkan dengan unsur-unsur budaya lain seperti melibatkan interpretif, metapragmatik, bahasa dan komuniti serta metafora dan bahasa dapat dikaitkan dengan persembahan Hadrah tersebut.

#### Unsur Interpretif dalam Seni Persembahan Hadrah

Menurut Arifin Achmad Samsul (2013), unsur interpretif ini merujuk kepada penelitian sosial yang tidak langsung mempunyai instrumen dalam mengembangkan pemahaman dalam menginterpretasikan apa yang berlaku di sebalik peristiwa yang berlaku di samping memperlihatkan makna yang diletakkan oleh manusia terhadap peristiwa yang berlangsung itu. Terdapat aspek penting dalam pendekatan interpretif yang menekankan kepentingan perincian pelbagai kebudayaan dan pendirian bahawa sasaran utama kajian adalah interpretasi terhadap setiap perilaku manusia. Apabila pendekatan interpretif dikaitkan dengan persembahan Hadrah, pengkaji dapat melihat kepentingan Hadrah untuk pelbagai majlis iaitu tidak tertumpu pada majlis perkahwinan sahaja. Salah satu kepentingannya ialah untuk menghiburkan para hadirin serta pengantin pada majlis tersebut. Kumpulan Hadrah juga dapat memeriahkan lagi sesuatu majlis mengikut budaya orang Melayu dan memastikan para hadirin tidak berasa bosan ketika adat istiadat perkahwinan dilaksanakan. Di samping itu, para pengantin lelaki dan perempuan akan berasa lebih riang dengan apabila mendengar lagu-lagu yang dinyanyikan bersama pukulan-pukulan yang rancak. Pendekatan interpretif juga membezakan antara penjelasan (*explanation*) dan pemahaman. Penjelasan pula ialah apabila penyebab umum daripada suatu peristiwa dikenal pasti. Hal ini demikian kerana apabila pengkaji telah mendapatkan informasi yang secukupnya tentang persembahan Hadrah dan mengetahui fungsi dan asal-usulnya. Daripada hasil temu bual ketua kumpulan Hadrah iaitu beliau telah menceritakan asal usul Hadrah ini. Hadrah dahulu dipanggil Hadrah asli. Pemahaman bermaksud penemuan makna suatu peristiwa dalam konteks sosial tertentu. Pengkaji yang melihat persembahan kumpulan Hadrah tanpa sebarang pendedahan awal tentangnya, akan berfikir bahawa Hadrah adalah satu kumpulan pemain kompong yang menyerikan suasana sesebuah perkahwinan sahaja. Tujuan interpretif adalah untuk melakukan rekonstruksi makna terhadap peristiwa. Kumpulan Hadrah ini akan memulakan persembahan dari rumah pengantin lelaki. Mereka menyanyikan beberapa lagu seperti *Bismillahi*, *Sultan Sulaiman*, *Ayam Batak* dan sebagainya. Lagu *Bismillahi* merupakan lagu pertama yang perlu disampaikan dan merupakan lagu yang wajib. Kumpulan Hadrah akan berarak dari rumah pengantin lelaki hingga ke rumah pengantin perempuan sambil mempersembahkan pelbagai lagu seperti yang terdapat pada rajah 2 dan ketika bersanding kumpulan Hadrah perlu mempersembahkan lagu *Sultan Sulaiman* seperti rajah 3. Di samping itu, apabila terdapat kumpulan Hadrah lain di rumah pengantin perempuan, kumpulan ini kan bersedia untuk bertikam lidah melalui persembahan. Mereka akan menyanyikan lagu perang pada ketika itu. Selepas itu, mereka akan mengadakan persembahan Hadrah sehingga majlis tamat.



Rajah 2. Kumpulan Hadrah sedang melakukan persembahan di hadapan rumah pengantin perempuan  
(Sumber: Kajian lapangan, 2016)



Rajah 3 Kumpulan Hadrah sedang melakukan persembahan di dalam rumah pengantin perempuan  
(Sumber: Kajian lapangan, 2016)

### **Unsur Metapragmatik dalam Seni Persembahan Hadrah**

Menurut Fatmawati (2015), metapragmatik adalah hal-hal yang tidak terlihat dalam bahasa tetapi memiliki peranan yang sangat penting dalam kegiatan komunikasi untuk mencapai tujuan komunikasi. Kesedaran metapragmatik merupakan kesedaran tentang hal-hal kontekstual yang penting diketahui selain pengetahuan tentang makna, kosa kata, penyebutan, dan tatabahasa. Sebagai contohnya, persembahan Hadrah pada mulanya berasal daripada kompang dan telah diimprovisasikan menjadi Hadrah pada kini. Wujud salah tafsir semasa berkomunikasi dan metapragmatik berfungsi untuk menjernihkan proses komunikasi supaya salah tafsir tersebut dapat dielakkan dan dapat menghalang maklumat yang salah daripada disebarluaskan. Penanda-penanda metapragmatik adalah tuturan yang memiliki konteks, situasi, tujuan yang berbeza-beza. Misalnya, persembahan Hadrah ini mempunyai semua aspek metapragmatik yang dapat membantu pemahaman pengkaji selain daripada bahasa. Sebagai contohnya, dalam persembahan Hadrah terdapat pelbagai jenis pukulan dan setiap pukulan ada maknanya tersendiri dan tidak akan difahami dengan hanya mendengar lagu. Tamsilnya, pukulan ngakal digunakan apabila persembahan Hadrah tersebut ditukarkan kepada lagu-lagu moden. Hal ini dapat dilihat apabila meneliti secara keseluruhan persembahan Hadrah tersebut. Selain daripada itu, terdapat juga pukulan tingkahannya penutup bagi mengakhiri persembahan mereka. Pukulan – pukulan tidak akan difahami melalui bahasa tetapi perlu menyaksikannya dan mempunyai peranan yang amat kuat dalam budaya mereka sendiri.

### **Unsur Bahasa dan Komuniti dalam Seni Persembahan Hadrah**

Daripada dapatan kajian ini terdapat unsur – unsur bahasa dan komuniti di dalam seni persembahan Hadrah ini. Bahasa dan komuniti ini dapat kelaskan sebagai aktiviti ujaran manusia berdasarkan pada aktiviti budaya sehari-hari. Dengan itu, bahasa merupakan medium terkuat berbanding simbol dalam kehidupan masyarakat (Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud, 2016, 2017, 2018; Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud, 2018). Dalam kajian ini juga turun menyentuh kepada aneka ragam /perbezaan dalam linguistik dan tatabahasa. Hal ini jelas menerangkan dalam lagu – lagu yang disampaikan oleh kumpulan Hadrah. Di samping itu kajian ini memfokuskan kepada lirik lagu yang disampaikan kepada pendengar.

Salah satu unsur bahasa dan komuniti di dalam seni persembahan Hadrah adalah penggunaan bahasa eufemisme pada lirik – lirik lagu yang dinyanyikan oleh kumpulan Hadrah itu. Merujuk Saidatul Nornis Hj. Mahali (2007), penggunaan eufemisme dalam masyarakat sebenarnya menggambarkan senario masyarakat itu sendiri. Masyarakat Melayu contohnya, memang dikenali sebagai masyarakat yang berbudi pekerti dan mempunyai adab yang sopan serta peribadi yang halus. Dalam hal ini, masyarakat Melayu tradisional tidak menyatakan sesuatu secara terus terang dan penggunaan ungkapan eufemisme itu sering digunakan untuk menyatakan sesuatu makna yang tersirat. Dengan itu, bahasa eufemisme tidak dapat lari dalam kehidupan masyarakat Melayu yang mementingkan moral etika dan kesejahteraan. Penggunaan eufemisme digunakan dalam sesuatu ujaran adalah bagi menunjukkan suatu tabu bahasa itu kedengaran lebih sopan dan beradab jika didengari oleh pelbagai lapisan masyarakat (Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat, 2017; 2018). Oleh itu, penggunaan bahasa eufemisme ini digunakan dalam lirik lagu ‘ Selamat Datang ’ yang dinyanyikan oleh kumpulan Hadrah tersebut. Antara lirik yang mempunyai penggunaan bahasa eufemisme ini adalah “ semoga majlis berseri – seri, semoga tuhan memberkati ”. Dalam rangkap lirik itu jelas menunjukkan penggunaan bahasa eufemisme kerana harapan supaya majlis tersebut berjalan dengan lancar tanpa ada gangguan dan sentiasa majlis tersebut di berkat oleh Allah S.W.T. Dengan itu, terdapat makna tersirat di dalam sebahagian lirik tersebut. Di samping itu, kaitan makna unsur – unsur bahasa dan komuniti dengan kata sapaan kekeluargaan seperti kata *laki* dan *bini* yang digantikan dengan suami dan isteri. Merujuk kepada salah satu rangkap lirik yang bertajuk “ Selamat Bersanding ” – “ suami isteri muda belia, seperti pinang di belah dua ”. Dalam lirik tersebut penggunaan istilah suami dan isteri digunakan kerana dianggap lebih sopan berbanding dengan penggunaan kata *laki* dan *bini*. Dengan penggunaan lirik begitu, dapat memberikan kesan yang lebih baik kepada si pendengar berbanding dengan penggunaan kata atau bahasa yang kasar atau kesat. Dengan itu, penggunaan bahasa eufemisme dapat dikaitkan dengan salah satu teori budaya iaitu unsur – unsur bahasa dan komuniti kerana sesungguhnya masyarakat dan bahasa itu tidak dapat dipisahkan kerana masyarakat berinteraksi dengan berbahasa. Walaupun istilah – istilah di dalam lirik Hadrah tersebut dianggap biasa, namun jika dilihat daripada sudut linguistik antropologi penggunaan – penggunaan bahasa yang digunakan itu dapat menjaga hati pasangan pengantin serta tidak melukakan hati mana – mana pihak.

### **Unsur Metafora dan Bahasa dalam Seni Persembahan Hadrah**

Metafora berkait rapat dengan pemakaian kata yang bukan membawa makna sebenar, tetapi sebagai kiasan yang dicipta untuk menunjukkan persamaan atau perbandingan dengan makna asal perkataan. Menurut Badudu (1976), pula mengatakan bahawa metafora merupakan gaya bahasa yang membandingkan satu benda dengan benda lain, maksud tersebut dinyatakan secara tersirat karena tidak menggunakan perkataan seperti, bagai, dan laksana. Dengan melihat cara berfikir manusia yang selalu menggunakan ungkapan dan kiasan dalam menyampaikan maksud dan tujuan. Maka cara yang digunakan oleh manusia tersebut dapat dilihat dengan cara seseorang itu menyampaikan fikiran dan mesejnya dengan menggunakan bahasa secara metafora. Keintelektualan akal budi masyarakat yang menggunakan bahasa berkias seperti melibatkan unsur metafora contohnya sehingga dapat diasosiasikannya dalam keperibadian manusia (Muhammad Zaid Daud, Nurfatin Hanani Wahap, & Muhammad Nurikhwan Lokman, 2018). Dalam persembahan kumpulan Hadrah yang dikaji ini, pengkaji telah mengkaji dan melihat cara masyarakat sekeliling khususnya masyarakat Melayu Sarawak mengangkat seni Hadrah ini ke dalam majlis perkahwinan bagi kaum Melayu Sarawak.

Daripada perhatian tersebut, pengkaji telah mendapati bahawa seni Hadrah ini bukan hanya suatu hiburan untuk menghiburkan tetamu dan meraikan pasangan pengantin yang baru sahaja mendirikan rumah tangga, tetapi dalam seni Hadrah ini terdapat metafora dan bahasa yang ingin disampaikan oleh masyarakat melalui persembahan ini. Bagi masyarakat Melayu yang sangat mementingkan kesopanan dan ketinggian budi bahasa untuk menyampaikan maksud dalam pertuturan khususnya (Muhammad Zaid Daud, 2017, 2018a, 2018b, 2018c; Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli, & Muhammad Zaid Daud, 2018) contohnya, semasa meraikan majlis perkahwinan jika dalam konteks kajian ini. Masyarakat telah menggunakan medium Hadrah untuk menyampaikan mesej dan pesanan tersebut. Mesej dan pesanan tersebut dapat dibuktikan dengan gubahan pemilihan lagu yang dimainkan semasa persembahan Hadrah berlangsung. Lagu-lagu yang dimainkan telah dicipta dengan pemilihan kata-kata yang cukup sopan dan kritis. Ini jelas menunjukkan bahasa dalam tutur kata, walaupun dalam persembahan sekalipun, tutur kata perlulah daripada kata-kata yang sopan dan gramatis sahaja supaya maksud dan tujuan yang hendak disampaikan itu tidak menyakitkan hati mana-mana pihak dan agar maksud yang ingin disampaikan itu mudah untuk difahami.

Dalam persembahan Hadrah ini, terdapat unsur metafora sinaestetik yang digunakan oleh masyarakat. Metafora sinaestetik ini merupakan metafora yang didasarkan pada pindahan maklumat dari satu pancaindera ke pancaindera yang lain. Misalnya, daripada bunyi iaitu pancaindera pendengaran ke pancaindera penglihatan, pancaindera sentuhan ke bunyi dan sebagainya lagi. Sebagai contoh daripada kajian Hadrah ini, metafora sinaestetik ini memang digunakan dengan jelas dalam seni persembahan Hadrah iaitu daripada bunyi yang datang daripada pancaindera pendengaran (pukulan kompong, jidol, dan tamborin) ke pancaindera penglihatan, dan pancaindera sentuhan (aktiviti memukul kompong, jidol dan menggongangkan tamborin) ke bunyi. Hubungan sinaestetik (synesthesia) juga mempunyai hubungan dengan etimologi.

Contoh metafora yang seterusnya yang dikaji oleh pengkaji ialah metafora antropomorfis. Metafora antropomorfis merupakan metafora yang membandingkan anggota tubuh badan manusia dengan benda yang tidak bernyawa atau hidup. Dalam contoh lagu yang dinyanyikan oleh kumpulan Hadrah ini, pengkaji dapat kumpulan Hadrah ini menggunakan perkataan tangan kayu, hati batu, dan senyuman bulan. Contoh-contoh tersebut jelas menunjukkan bahawa adanya perbandingan anggota tubuh badan manusia dengan benda yang tidak hidup dalam lirik lagu yang dinyanyikan oleh kumpulan Hadrah tersebut.

Bagi contoh unsur metafora yang terakhir yang dapat diteliti oleh pengkaji dalam kajian Hadrah ini adalah dalam nyanyian kumpulan Hadrah tersebut. Mereka ada menggunakan unsur metafora binatang. Menurut Ullman (1969) yang menyatakan bahawa metafora binatang ini merujuk kepada aktiviti atau sifat haiwan yang dialihkan kepada bukan haiwan. Metafora ini terbahagi kepada dua bentuk utama. Sebahagian sifat tersebut adalah untuk haiwan atau benda tidak hidup dan sifat haiwan yang digunakan kepada manusia. Namun yang terdapat dalam lirik tersebut hanya metafora haiwan bagi sifat haiwan yang digunakan kepada manusia. Seseorang dapat disebut sebagai pengais, penanduk dan banyak lagi. Sifat-sifat tersebut sinonim dengan sifat perlakuan haiwan. Daripada contoh perkataan yang dapat pengkaji teliti daripada nyanyian kumpulan Hadrah tersebut ialah perkataan “menanduk bulan”. Menanduk dalam perkataan tersebut merupakan sifat bagi haiwan yang bertanduk.

## ■5.0 KESIMPULAN

Medium komunikasi di dalam kajian ini adalah untuk melihat cara masyarakat menerima persembahan Hadrah tersebut sebagai satu bentuk persembahan yang dapat memberikan unsur-unsur nasihat, jenaka dan ironi kepada pendengar serta dapat melihat cara masyarakat tersebut menerima makna yang tersirat di dalam lirik-lirik lagu yang dinyanyikan. Contohnya, cara-cara tertentu di dalam ujaran (*ways of speaking*) seperti mesej yang hendak disampaikan melalui lirik lagu tersebut mewakili etnik itu sendiri iaitu Melayu yang sememangnya kaya dengan kesantunan apabila berbahasa. Merujuk Saidatul Nornis (2007), sememangnya masyarakat Melayu dikenali sebagai masyarakat yang berbudi pekerti dan mempunyai adab yang sopan serta peribadi yang halus serta tidak menyatakan sesuatu secara terang. Dengan itu, penggunaan ungkapan eufemisme itu sering digunakan untuk menyatakan sesuatu makna yang tersirat seperti mana yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut. Bagi analisis berdasarkan peristiwa komunikasi (*communicative events*) pula, dilakukan di majlis perkahwinan masyarakat Melayu di Sarawak. Manakala, tindakan komunikasi (*acts of communication*) pula, adalah untuk memberi nasihat di dalam lagu-lagu yang dinyanyikan kepada pasangan pengantin baharu dan masyarakat di sekitarnya. Selain itu, terdapat juga unsur-unsur jenaka dan ironi di dalam lirik lagu tersebut sebagai memerlui pasangan yang sudah berkahwin tetapi di dalam bahasa yang berkias. Peranan komunikasi dalam institusi tertentu adalah seperti di dalam agama yang sentiasa mengajar pengikutnya supaya mengamalkan nilai-nilai yang baik terutamanya di dalam pertuturan yang diujarkan. Manakala, di dalam sosiobudaya masyarakat Melayu khususnya, hal ini akan melibatkan keupayaan dalam pengetahuan yang dikongsi bersama kod linguistik serta sosiobudaya peraturan, norma dan nilai-nilai yang membimbang kelakuan dan tafsiran ucapan dan saluran komunikasi yang lain dalam komuniti. Dapat disimpulkan bahawa, kajian ini melihat kepada aplikasi pragmatik sebagai konteks pengkhususan ilmu yang mentafsir makna tetapi maklumat yang digunakan ialah maklumat nonlinguistik atau bukan linguistik (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014) seperti budaya. Dengan itu, melalui pendekatan mnemonik S.P.E.A.K.I.N.G. ini mampu mengaitkan unsur-unsur budaya iaitu sebagai unsur bukan linguistik dengan bidang linguistik terapan itu sendiri. Oleh itu, kajian ini dapat memberikan jawapan kepada makna yang tersirat di dalam lirik lagu dan persembahan hadrah dengan mencari jawapannya daripada sudut budaya orang Melayu.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Esther Narrelisa Majingkin; Tangaprabu Murthy dan Gayathiry Solan dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) serta Muhammad Syahrul Nizam Mazlan dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana telah bersama-sama menjayakan pengutipan data kajian ini. Makalah ini merupakan penambahbaikan daripada kerja khusus PBL 2023: Pengantar Linguistik Antropologi kendalian Dr. Remmy Gedat dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Prof. Madya Dr. Saidatul Nornis Haji Mahali dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta penambahbaikan daripada kerja khusus PBL 2013: Pragmatik yang dikendalikan oleh Dr. Pung Wun Chiew dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

## Rujukan

- Abang Yusuf Puteh (2008). *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*. (Edisi Dua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Kassim (2006). *Hadrah, Tar dan Gendang Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Ahmad Hakimi Khairuddin & Zahir Ahmad. (2006). *Perkembangan Persembahan Hadrah di Tiga Tempat: Pelestarian dan Pembangunan Warisan Seni Budaya Melayu*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu.
- Arifin Achmad Samsul (2013) *Studi Kasus Dampak Penjurusan Studi Pilihan Orang Tua Terhadap Penyesuaian Diri Peserta Didik SMAN 1 Kediri*. Undergraduate thesis, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.
- Badudu, J. S. (1976). *Sari Kesusastraan Indonesia II*. Bandung: Pustaka Prima.
- Creswell, J. W. (2005). *Education Research. Planing, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. Singapore : Pearson Merill Prentice Hall.
- Fahrurroza. (2011). *Minat Jamaah Nurul Musthofa Terhadap Kesenian Hadrah* (Tesis sarjana tidak diterbitkan). UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia.
- Farah, I. (1998). The Ethnography of Communication. dalam N. H. Hornberger dan Corson (eds) *Encyclopedia of Language and Education*, 8, 126. *Research Methods in Language and Education*. Dordrecht: Kluwer.
- Fatmawati, S. N. K. (2015). A Pragmatic Analysis of Maxim Flouting Performed by Solomon Northup in 12 Years a Slave Movie. *Sastraa Inggris-Quill*, 4(1), 1-10.
- Gay, L. R., & Airasian, P. (7 th ed.). (2003). *Educational research: Competencies for Analysis and Application*. Upper Saddle River, New Jersey.
- Hymes, D. H. (1974). *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Marcellino, W. & Johnstone, B. (2010). *Dell Hymes and the Ethnography of Communication*. Dietrich College of Humanities and Social Sciences, 7-8.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2016). “Giler” atau “Gile”: Slanga Kata Penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2017). *Semantik dan Makna Konotasi dalam Slanga Pelacur*. Paper presented at The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel). Retrieved from <https://doi.org/10.17605/OSF.IO/6ZMR7>
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Makna Denotatif dan Konotatif dalam Slanga Pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29-43.
- Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Individu dan Pemilihan Dialek: Kajian Kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 11-21

- Muhammad Syahrul Nizam Mazlan. (2016). *Hadrah dalam Majlis Perkahwinan Melayu Sarawak Sebagai Persembahan* (Tesis sarjana muda tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahru Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam Bahasa Iban: Satu Kajian Kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105. Retrieved from [https://ajap.um.edu.my/index.php/BRJ/article/view/102\\_04/7239](https://ajap.um.edu.my/index.php/BRJ/article/view/102_04/7239)
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahru Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2018). Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(1), 27-40.
- Muhammad Zaid Daud, Nurfatih Hamani Wahap, & Muhammad Nurikwan Lokman. (2018). Analisis Semiotik Peribahasa Banjar Bersumberkan Ular (Serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 1-7.
- Muhammad Zaid Daud. (2016). Unsur Semiotik dalam Persembahan Hadrah. *Utusan Borneo (Sarawak)*, p. A4. doi:10.17605/OSF.IO/46HRQ
- Muhammad Zaid Daud. (2017). *Slanga Kedai Kopi: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. (Unpublished final year project). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia. doi:10.17605/OSF.IO/963E5
- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Domain Rezeki dalam Peribahasa Melayu Berorientasikan Aves Melalui Perspektif Semantik Inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28. Retrieved from <https://maltesas.my/msys/explore/detailsg.php?det=28>
- Muhammad Zaid Daud. (2018b). *Gallus Gallus Domesticus dan Paradoxurus Hermaphroditus* dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51. Retrieved from <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1379>
- Muhammad Zaid Daud. (2018c). Pengaplikasian Kerangka Semantik Inkuisitif Melalui Slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Nayik Fajrikah. (2015). *Peran Dakwah Jamaah Hadrah Al-Fana Dalam Meningkatkan Semangat Aktivitas Keagamaan Remaja Desa Bandungrejo Kecamatan Karanganya Kabupaten Demak* (Master's thesis, Fakultas Dakwah Dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, Indonesia). Retrieved from <http://eprints.walisongo.ac.id/4788/1/101111029.pdf>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Pengenalan linguistik teoretis dan aplikasi*. Kuala Lumpur: Attin Press Sdn. Bhd.
- Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Asas Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 8-24.
- Sabitha Marican. 2006. Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik. Batu Caves: Edusystem
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2007). *Unsur bahasa dalam budaya*. Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Schechner, R. (2015). *Performance theory*. Place of publication not identified: Routledge.
- Tangraprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Kajian Semantik Inkuisitif dalam Peribahasa Tamil: Imej Tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80
- Ullman, M. (1969). Dreaming as Metaphor in Motion. *Archives of General Psychiatry*, 21(6), 696. doi:10.1001/archpsyc.1969.01740240056007

## Appendiks

### Lirik Lagu (Selamat Bersanding)

Selamat bersanding pengantin baru,  
Di atas pelamin duduk berdua,  
Suami isteri yang amat padu,  
Semoga sampai ke anak cucu.

Cantik sungguh muda jauhari,  
Kedua pengantin *suami* dan *isteri*,  
Duduk seperti raja dan puteri,  
Sanak saudara kana dan kiri.  
*Suami isteri muda belia,*  
*Seperi pinang dibelah dua,*  
Duduk sepakat sehati sejiwa,  
Semoga kekal sehingga tua.

Wahai pengantin *suami isteri*,  
Aman dan damai setiap hari,  
Sama bersabar saling menghormati,  
Berkasih sayang kekal abadi.

Aturan kata *bersuami isteri*,  
Makan dan minum hendak dicukupi,  
Salah dan silap harap dimaafi,  
Jalan yang selamat mari dicari.

Suami isteri jangan keliru,  
Biarlah bersabar tetap imanmu,  
Rupa yang cantik jangan diburu,  
Buruk dan miskin sudah jodohnmu.

Hai, selamat pengantin baru,  
Semoga ke anak cucu,  
Hai, selamat pengantin baru,  
Semoga berkekalan.

### Lirik Lagu (Selamat Datang)

Dengan bismillah kami mulakan,  
Assalamualaikum kami ucapan,  
Salam ini kami mulakan,  
Untuk menyambut pengantin datang.

Selamat datang kami ucapan,  
Para hadirin semua jemputan,  
Meraikan pengantin datang,  
Disambut dengan pukulan kompong.

*Selamat datang ke majlis kami,*  
*Para hadirin yang dihormati,*  
Semoga majlis berseri – seri,  
Semoga tuhan akan memberkati.

Pengantin yang disandingkan,  
Pengantin yang berseri,  
Kami doa selamat sejahtera,  
Semoga kekal ke anak cucu.

Kami semua mengundur diri,  
Dari majlis yang mulia ini,  
Salah silap harap dimaafi,  
Jalan yang selamat mari dicari.

Tamat sudah persembahan kami,  
Paluan kompong kami akhiri,  
Mohon doa ke hadrat ilahi,  
Semoga kita berjumpa lagi